Jurnal Pendidikan Malaysia 51(2) (2026): 18-32
DOI: http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2026-51.02-02

Pengajaran Terbeza dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu: Literatur Sistematik

(Differentiated Instruction in Bahasa Melayu Essay Writing: Systematic Literature)

SURINA SURA ANAK RUMPING, TANG HOWE ENG*, EZZAH AFIFAH NASRUDIN

ABSTRAK

Penguasaan penulisan karangan Bahasa Melayu masih menjadi cabaran, manakala kajian tentang pengajaran terbeza dalam konteks ini masih kurang disintesis secara sistematik. Kajian ini bertujuan menganalisis secara sistematik kajian lepas berkaitan kaedah pengajaran terbeza dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Fokus kajian adalah untuk mengenal pasti tahap amalan guru, meneliti kesan pengajaran terbeza terhadap minat, keterlibatan dan pencapaian murid, serta mengenal pasti cabaran pelaksanaannya. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik berpandukan garis panduan PRISMA. Pencarian artikel dilakukan melalui pangkalan data SCOPUS, ERIC dan Google Scholar dengan menggunakan kata kunci yang berkaitan dengan pengajaran terbeza, penulisan karangan Bahasa Melayu, minat, keterlibatan, pencapaian murid dan cabaran pelaksanaan. Artikel yang dipilih diterbitkan antara tahun 2019 hingga 2026 serta memenuhi kriteria kerelevanan tajuk, abstrak dan kandungan. Sebanyak sebelas artikel telah dianalisis dan dikategorikan kepada tiga tema utama, iaitu tahap amalan pengajaran terbeza dalam kalangan guru, kesan pengajaran terbeza terhadap murid dan cabaran pelaksanaan di bilik darjah. Dapatan menunjukkan bahawa pengajaran terbeza berpotensi meningkatkan minat, keterlibatan, motivasi dan pencapaian kemahiran menulis murid. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih berdepan cabaran seperti kekangan masa, penyediaan bahan, bilangan murid yang ramai dan keperluan latihan guru. Kajian ini mencadangkan pembangunan bahan pengajaran terbeza yang lebih tersusun bagi menyokong pembelajaran karangan Bahasa Melayu secara berkesan dan responsif kepada murid pelbagai tahap.

Key Words: Pengajaran terbeza; Penulisan karangan; Bahasa Melayu; Minat murid; Keterlibatan murid.

ABSTRACT

Mastery of Malay essay writing remains a challenge, while studies on differentiated instruction in this context have yet to be systematically synthesized. This study systematically reviews past studies on differentiated teaching methods in Malay essay writing. It focuses on identifying research trends, examining the effects of differentiated teaching on interest, engagement and achievement, and identifying implementation challenges. This study uses a systematic literature review based on PRISMA guidelines. Article searches were conducted through the SCOPUS, ERIC and Google Scholar databases using keywords related to differentiated teaching, Malay essay writing, interest, engagement and student achievement. The selected articles were published between 2019 and 2026 and met the relevance criteria of title, abstract and content. A total of eleven articles were analyzed and categorized into three main themes: differentiated teaching practices among teachers, effects on students, and implementation challenges. The findings show that differentiated teaching has the potential to increase students' interest, engagement, motivation and mastery of writing skills. However, its implementation faces challenges such as time constraints, material preparation, large class sizes and teacher training needs. This study proposes the development of more structured differentiated teaching materials to support Malay essay writing effectively and responsively for students with varying proficiency levels.

Key Words: Differentiated teaching; Essay writing; Malay language; students' interest; students' engagement.

PENGENALAN

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017), kemahiran berbahasa dalam Kurikulum Standard Bahasa Melayu terdiri daripada lima modul utama, iaitu mendengar dan bertutur, membaca, mengarang, seni bahasa dan tatabahasa. Secara keseluruhannya, garis panduan ini memberikan kerangka umum kepada pengajaran kemahiran mengarang. Bagi memahami keperluan pembelajaran secara lebih khusus pada peringkat menengah rendah, DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 3 memperincikan standard kandungan yang perlu dikuasai oleh murid. Standard kandungan bagi kemahiran mengarang pada peringkat ini ialah menulis untuk menghasilkan penulisan secara terancang.

Berdasarkan standard kandungan tersebut, murid seharusnya berupaya menguasai beberapa kemahiran penting dalam penulisan karangan. Pertama, murid perlu menghasilkan kerangka penulisan dengan isi yang dicadangkan secara tersusun. Kedua, murid harus mampu menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan. Ketiga, murid perlu menguasai teknik menulis perenggan isi yang padat dan bermakna. Keempat, murid harus dapat menulis perenggan penutup yang merumuskan karangan dengan baik. Akhir sekali, murid perlu menghasilkan karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa yang gramatis dan kreatif.

Kemahiran tersebut merupakan standard pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid dalam kemahiran mengarang. Kemahiran mengarang merujuk kepada proses mengeluarkan idea melalui perkataan, grafik dan simbol yang disusun menjadi rangkaian ayat yang bermakna (Norfazirah et al., 2019). Hal ini demikian kerana setiap perkataan pada asasnya merupakan unit terpisah yang perlu digabungkan secara sistematik untuk membentuk unsur bahasa yang mempunyai makna tertentu (Rozita Mohamad Yuneh et al., 2022). Oleh itu, kemahiran mengarang melibatkan proses menyusun, mencatat dan mengkomunikasikan makna secara terancang. Sifatnya yang interaktif turut menuntut murid membuat pertimbangan bahasa yang tepat (Hassan Nurmasitah, 2016).

Meskipun begitu, tahap penguasaan kemahiran mengarang dalam kalangan murid adalah berbeza. Sehubungan itu, perbezaan tersebut dapat diatasi melalui penggunaan pengajaran terbeza. Pengajaran terbeza merupakan pendekatan yang memberi peluang kepada guru untuk mengubah suai kandungan, proses dan produk penulisan karangan mengikut tahap keupayaan serta minat murid (Mirsabitovna, 2025; Tomlinson, 2021). Pendekatan ini mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih berpusatkan murid dan inklusif. Perkara ini selari dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Keperluan pengaplikasian pengajaran terbeza semakin penting kerana murid tidak boleh dianggap mempunyai keperluan pembelajaran yang sama. Pembezaan dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran penting bagi memastikan setiap murid memperoleh faedah dan pengalaman pembelajaran yang bermakna (Safiek Mokhlis,2021). Pendekatan ini memberi peluang kepada murid untuk belajar secara optimum mengikut tahap kognitif dan gaya pembelajaran masing-masing (Ain Nur Atika Agus, 2022). Melalui pembezaan, guru dapat membantu murid yang mempunyai tahap kemahiran berbeza untuk menguasai kemahiran yang terkandung dalam sukatan kurikulum (Faezah Saliman & Zamri Mahamod, 2023).

Secara keseluruhannya, keperluan menjalankan kajian ini tercetus kerana pengajaran kemahiran mengarang masih belum mencapai keberkesanan yang diharapkan dalam konteks bilik darjah bercampur keupayaan. Walaupun pelbagai dasar dan pendekatan telah diperkenalkan, murid masih berdepan kesukaran untuk menghasilkan penulisan yang terancang, gramatis dan bernas. Justeru, kajian ini penting untuk meneliti pengajaran terbeza sebagai pendekatan alternatif yang lebih berfokus pada perbezaan individu, serta berpotensi meningkatkan minat, keterlibatan dan pencapaian murid dalam penulisan karangan.

Selain itu, kajian ini diperlukan berikutan masalah tahap minat yang rendah yang mempengaruhi keterlibatan murid dalam usaha menguasai kemahiran mengarang (Hasnah Hassan et al., 2024; Tengku Zainuriani Tengku Puteh, 2021). Penerimaan murid terhadap aktiviti penulisan karangan juga didapati kurang memberangsangkan kerana proses tersebut menuntut penguasaan kemahiran berfikir yang kompleks (Aman Shah et al., 2021). Keadaan ini menyebabkan murid kurang melibatkan diri secara aktif dalam keseluruhan proses penulisan, termasuk perancangan idea, pengolahan isi dan penyuntingan hasil karangan.

Secara tidak langsung, tanggapan negatif murid terhadap aktiviti penulisan karangan turut mengakibatkan kegagalan menyiapkan tugasan penulisan yang diberikan (Nurul Azira Sapian & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2022; Rohaida Mazlan et al., 2024) serta ketidakpatuhan terhadap format penulisan yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2022, 2023). Di samping itu, kelemahan dalam penguasaan kemahiran bahasa menyebabkan murid kurang yakin terhadap kebolehan diri untuk menghasilkan karangan yang berkualiti (Nurul Azira Sapian & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2022; Simah Mamat et al., 2021).

Justeru, situasi ini menimbulkan kebimbangan terhadap keberkesanan kaedah pengajaran sedia ada, termasuk kaedah pengajaran tradisional (Amirah Fadhilah Amir &

Nor Azwahanum Nor Shaid, 2025; Rohaida Mazlan et al., 2024), dalam membentuk keupayaan murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta menjana isi yang relevan dan berstruktur (Muhammad Firdaus et al., 2025; Phin et al., 2025). Murid juga cenderung menghasilkan karangan yang hampir serupa antara satu sama lain apabila guru terlalu banyak membimbing perbincangan terhadap kerangka dan isi karangan (Koon et al., 2024). Pendekatan sedemikian boleh mengehadkan keaslian idea yang lahir daripada pemikiran murid sendiri (Nurul Qistina Baharuddin & Harwati Hashim, 2020).

Walau bagaimanapun, kajian terhadap kesan pengajaran terbeza dalam pembelajaran penulisan karangan, khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, masih terhad. Hal ini demikian kerana majoriti kajian terdahulu lebih banyak berfokus pada mata pelajaran Bahasa Inggeris (Faizah Idrus et al., 2021; Ismail Sharmeen, 2019; Ping, 2021; Shareefa Mariyam, 2021). Selain itu, pengujian pendekatan ini dalam bidang STEM juga lebih banyak diberi perhatian (Mirsabitovna, 2025; Mohd Hasrul Kamarulzaman et al., 2024; Subuh Anggoro et al., 2024; Zhao et al., 2026). Kekurangan sumber rujukan daripada kajian lepas mengenai pelaksanaan pengajaran terbeza dalam pembelajaran Bahasa Melayu menyebabkan guru masih memerlukan panduan yang lebih jelas tentang langkah pelaksanaannya yang berkesan.

Tambahan pula, saranan penggunaan pengajaran terbeza di Malaysia semakin diberi perhatian selepas pemansuhan sistem pengasingan murid mengikut keupayaan pada tahun 2019. Secara tidak langsung, pendekatan ini masih dianggap baharu dalam kalangan sebahagian guru. Sehubungan itu, jurang ini perlu diteliti melalui tinjauan literatur sistematik bagi menilai trend kajian, kesan dan cabaran pelaksanaan pengajaran terbeza dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Rasionalnya adalah untuk membantu guru memahami dengan lebih jelas pelaksanaan pembezaan kandungan, proses dan produk dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan.

Rentetan daripada perkara yang telah dinyatakan, kajian ini bertujuan untuk meninjau secara sistematik kajian lepas berkaitan kaedah pengajaran terbeza dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti trend kajian, meneliti kesan kaedah pengajaran terbeza terhadap minat, keterlibatan dan pencapaian murid, serta mengenal pasti cabaran pelaksanaan dan jurang penyelidikan yang masih wujud. Sejajar dengan objektif kajian, persoalan kajian yang dibina ialah:

1. Apakah tahap amalan kaedah pengajaran terbeza dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan guru Bahasa Melayu?
2. Apakah kesan kaedah pengajaran terbeza terhadap minat, keterlibatan dan pencapaian murid berdasarkan kajian lepas?
3. Apakah cabaran pelaksanaan dan jurang penyelidikan yang dilaporkan dalam kajian lepas?

TINJAUAN LITERATUR

Dalam bahagian ini, 5 subtopik yang berkaitan dengan minat, keterlibatan, pencapaian murid, kesan dan cabaran pelaksanaan kaedah pengajaran terbeza dalam pembelajaran dihuraikan dengan terperinci.

MINAT MURID TERHADAP PEMBELAJARAN

Kaedah pengajaran berpusatkan murid bersifat moden kerana menekankan aktiviti, teknik penyoalan dan demonstrasi serta kolaborasi (Inas & Susan, 2023). Pada masa yang sama, ia menitikberatkan keperluan murid dan menganggap setiap murid tidak berada pada tahap penguasaan yang sama (Semo Serroukh & Ibrahim Serroukh, 2022; Rasulova, 2021). Oleh itu, unsur pembezaan perlu diambil kira dalam merancang pengajaran yang berpusatkan murid agar keperluan setiap murid dapat dipenuhi (Tomlinson, 2021). Di samping itu, persekitaran pembelajaran yang inklusif dapat diwujudkan melalui pembezaan yang selari dengan aspirasi PPPM 2013-2025 yang dilaksanakan secara berperingkat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Minat dan motivasi saling berhubung kait serta memberi pengaruh langsung terhadap pencapaian akademik murid. Motivasi terdiri daripada dorongan dalaman dan luaran yang menjadi pemacu kepada murid untuk mengaktifkan usaha pembelajaran dan mengekalkan minat terhadap bahan yang dipelajari (Bakhrudin et al., 2023). Hubungan ini turut disokong oleh kajian Zamli et al. (2020) yang mendapati wujud hubungan antara dorongan dalaman dan pencapaian akademik. Kajian tersebut bertujuan mengenal pasti hubungan antara jati diri dan prestasi akademik murid sekolah menengah.

Oleh itu, analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan antara dorongan dalaman dan pencapaian akademik. Namun, dapatan kajian tersebut mempunyai kelemahan kerana tidak melaporkan tahap signifikan atau kekuatan hubungan tersebut. Kekurangan maklumat empirikal ini menyebabkan dapatan tidak dapat menggambarkan secara jelas sejauh mana jati diri mempengaruhi prestasi murid. Justeru, kekurangan ini ditambah baik melalui penilaian terhadap minat dalam pembelajaran akibat kaedah pengajaran alternatif melalui tinjauan.

Di samping itu, faktor dalaman merangkumi perasaan seronok, keinginan memperbaiki kelemahan diri dan sikap positif terhadap pembelajaran menulis. Faktor luaran pula terdiri daripada pujian, ganjaran, galakan guru, penetapan matlamat dan aktiviti PdP yang dirancang dengan baik. Cortez dan Derequito (2025) menjelaskan bahawa faktor luaran biasanya didorong oleh kehendak akademik, manakala minat dalaman terbentuk daripada motivasi kendiri murid itu sendiri. Kepelbagaian perspektif ini akhirnya membawa kepada penyatuan tiga komponen utama minat dalam kajian ini, iaitu sikap positif, keinginan belajar dan motivasi, yang kesemuanya dioperasionalkan sebagai satu pemboleh ubah bersandar.

Berdasarkan taksiran minat daripada pelbagai perspektif tersebut, dapat dirumuskan secara ringkas bahawa minat merangkumi tiga komponen, iaitu sikap positif, keinginan belajar dan motivasi murid yang perlu ada ditunjukkan oleh murid dalam aktiviti pembelajaran penulisan karangan. Kajian lepas mendapati murid dikesan kurang berminat dengan aktiviti penulisan karangan akibat sifat kemahiran mengarang sendiri yang kompleks dan kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh guru di dalam kelas (Inas & Susan, 2023; Nur Atikah Mohd Noor et al., 2025; Rozana Jaafar & Zamri Mahamod, 2020).

Sungguhpun begitu, kajian lepas tidak menawarkan tatacara pengintegrasian kaedah pengajaran terbeza dalam memenuhi keperluan kemahiran untuk berhadapan dengan peperiksaan. Lantaran itu, wujud jurang penyelidikan dalam membantu guru menyediakan murid ke arah peperiksaan melalui kaedah pengajaran yang lebih responsif dan interaktif. Perbezaan antara kesesuaian praktikal kaedah pengajaran tradisional yang berasaskan peperiksaan dengan kesan negatif terhadap minat murid menimbulkan percanggahan ketara dengan matlamat pendidikan yang holistik dalam melahirkan individu yang berfikiran kreatif, kritis dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat (Faezah Saliman & Zamri Mahamod, 2023; Vipul et al., 2025; Yusmim Omar & Khairul Azhar Jamaludin, 2024).

Tambahan pula, penguasaan kemahiran mengarang memerlukan minat murid untuk menggerakkan kerelaan dan keinginan untuk berusaha. Indikator tingkah laku dan perasaan murid ialah keinginan untuk mempelajari kaedah pembelajaran yang berkesan dan memberi perhatian sebagai usaha menguasai topik (Masitah, 2023). Perspektif kajian-kajian lepas terhadap kaedah pengajaran terbeza adalah cenderung ke arah positif dalam aspek minat murid. Walau bagaimanapun, murid berkeupayaan tinggi berasa tidak adil kerana diberikan tugasan yang lebih mencabar dan minat murid berbangsa Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu akibat kaedah pengajaran terbeza adalah sederhana (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023; Masitah, 2023).

Sehubungan itu, murid kurang bermotivasi untuk mengikuti pembelajaran penulisan karangan meskipun guru mengaplikasikan kaedah pengajaran terbeza di dalam kelas (Yusmim Omar & Khairul Azhar Jamaludin, 2024). Percanggahan dapatan kajian ini menimbulkan persoalan terhadap kerangka teori yang digunakan untuk memberi impak kepada minat murid. Perkara ini menyebabkan wujudnya jurang penyelidikan dari segi teori yang tidak mengambil kira pemboleh ubah lain yang boleh mempengaruhi hasil. Pada masa yang sama, keterlibatan murid dalam aktiviti pembelajaran penulisan karangan dipengaruhi oleh minat murid terhadap aktiviti pengajaran guru.

KETERLIBATAN MURID DALAM PEMBELAJARAN

Perasaan ingin tahu mendorong murid untuk mengetahui dan memahami suatu pembelajaran serta terus berfikir mengenai masalah yang perlu diselesaikan meskipun di luar waktu kelas (Rone et al., 2023). Namun, kajian lepas tidak menyediakan satu analisis cara mengekalkan keterlibatan emosi (minat) agar keterlibatan pemikiran kritis (kognitif) dapat dipengaruhi dalam jangka masa panjang. Justeru, wujud jurang penyelidikan dalam memahami bagaimana guru dibantu untuk mempengaruhi keterlibatan murid secara aktif melalui pendekatan pengajaran yang mengambil kira semua keperluan murid.

Penemuan positif kajian-kajian lepas bersifat kualitatif menegaskan secara konsisten bahawa kaedah pengajaran terbeza boleh mempengaruhi penyertaan dan keterlibatan murid untuk mengikuti aktiviti penulisan karangan akibat perasaan seronok yang diwujudkan melalui komunikasi dua hala untuk melaksanakan pentaksiran (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023; Faezah Saliman & Zamri Mahamod, 2023; Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023). Walaupun dapatan kualitatif menunjukkan impak yang positif, dapatan kajian tersebut memiliki kelemahan kerana tidak disokong dengan data empirikal untuk memberi gambaran sejauh mana penggunaan kaedah pengajaran terbeza boleh mempengaruhi keterlibatan murid itu sendiri.

Di samping itu, dapatan kualitatif kajian lepas bersifat pemerhatian guru terhadap keterlibatan penyertaan aktif, tumpuan dalam kelas dan usaha yang ditunjukkan oleh murid. Penilaian setiap guru adalah berbeza dan menimbulkan bias dalam menterjemah penilaian pemerhatian sebagai gambaran terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran (Adila et al., 2024; Faezah Saliman & Zamri Mahamod, 2023). "Malah, dapatan ini tidak dapat memberikan bukti kesahan bagi menyokong alat ukur yang digunakan (White & Klette, 2024; Luoto et al., 2022; Rodgers et al., 2022). Pemerhatian terhadap indikator

luaran mungkin gagal memahami keterlibatan yang multidimensi iaitu penyertaan aktif, tumpuan dalam kelas dan usaha yang dilakukan oleh murid (Scott & Rohde, 2024).

PENCAPAIAN MURID DALAM PEMBELAJARAN

Sehubungan itu, penilaian empirikal diperlukan agar relevan dengan pencapaian murid akibat keterlibatan yang aktif di dalam kelas (López-García, 2023). Kajian lepas melaporkan bahawa guru memahami dan menyedari keperluan penggunaan kaedah pengajaran terbeza (Danial Arif & Abdul Muttalip, 2020; Nur Hanisah Radi & Muhammad Syawal Amran, 2023; Safiek Mokhlis, 2021). Walau bagaimanapun, pelaksanaannya dalam bilik darjah masih kurang memberangsangkan, sekali gus mewujudkan kelompangan penyelidikan mengenai kesan sebenar pendekatan ini terhadap murid.

Röhl et al. (2025) dan Wisniewski et al. (2022) menyatakan bahawa maklum balas daripada murid mempunyai kesan positif kepada kualiti pengajaran kerana ia menjadi peramal kepada pencapaian sebenar murid. Majoriti kajian lepas cenderung mengukur keberkesanan suatu pendekatan pengajaran melalui impak yang boleh dinilai pada murid dengan merangkumi tahap penguasaan, kefahaman, pencapaian akademik dan penglibatan murid dari perspektif guru. Kajian lepas mendapati bahawa kaedah pengajaran terbeza dapat membantu murid meningkatkan tahap penguasaan daripada tahap keupayaan rendah kepada tahap sederhana dalam kemahiran membina ayat, meningkatkan pemahaman dan kemajuan murid.

Peningkatan positif tersebut disebabkan oleh kaedah pengajaran terbeza yang memberi peluang kepada murid untuk memperoleh pembelajaran mengikut tahap keupayaan mereka sendiri (Erra Farina Adnan et al., 2024; Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023; Thian et al., 2022). Walau bagaimanapun, kajian lepas kurang menawarkan dapatan mengenai keberkesanan pendekatan pengajaran secara empirikal untuk mengukuhkan dapatan kualitatif yang diperoleh daripada perspektif guru. Justeru, terdapat jurang penyelidikan dalam mengesahkan keberkesanan pendekatan pengajaran yang diaplikasikan oleh guru melalui skor yang diperoleh murid secara eksperimental.

KESAN CABARAN KAEDAH PENGAJARAN TERBEZA

Menurut kajian lepas secara umum, kaedah pengajaran terbeza berpotensi mendatangkan impak positif terhadap murid dari aspek pencapaian, penglibatan dan pengalaman pembelajaran. Dapatan kecenderungan kesan positif akibat pelaksanaan kaedah pengajaran terbeza diperoleh melalui semakan sistematik oleh Smale-jacobse et al. (2019). Walau bagaimanapun, bentuk pelaksanaan kaedah pengajaran terbeza dalam kajian lepas adalah berbeza dan jumlah kajian lepas berkualiti tinggi adalah masih terhad. Justeru, beberapa perkara perlu diambil kira untuk menilai keberkesanan pendekatan tersebut seperti reka bentuk pengajaran, kompetensi guru dan konteks bilik darjah.

Berdasarkan meta-analisis (Muh. Asriadi AM et al., 2023), kaedah pengajaran terbeza memberikan kesan positif terhadap pembelajaran. Namun, kesan tersebut dipengaruhi oleh pelbagai pemboleh ubah seperti mata pelajaran, tahap pendidikan, tempoh pelaksanaan intervensi dan bentuk strategi yang dilaksanakan. Sehubungan itu, pendekatan ini bukanlah satu teknik pengajaran tunggal yang boleh menghasilkan kesan yang sama bagi semua situasi. Namun, pendekatan ini lebih tepat jika difahami sebagai sebuah kerangka pengajaran yang dilaksanakan secara sistematik.

Selain itu, kaedah pengajaran terbeza turut mewujudkan hubungan positif dalam aspek kesejahteraan di sekolah, penglibatan secara sosial dan konsep pembelajaran kendiri murid (Pozas et al., 2021). Murid lebih menerima maklumat dan mampu mengambil bahagian dalam pembelajaran sekiranya guru melakukan penyesuaian pengajaran berdasarkan keperluan murid. Sehubungan itu, kesan positif tersebut boleh berlaku dalam penulisan karangan sekiranya tugasan yang disediakan dan diberikan adalah mengikut tahap cabaran yang sesuai dengan keupayaan murid.

Walaupun jumlah kajian berkaitan penulisan karangan Bahasa Melayu secara khusus adalah masih terhad, namun bukti daripada kajian penulisan dalam bahasa lain membuktikan bahawa pendekatan ini berpotensi meningkatkan prestasi dan motivasi murid untuk menulis. Kajian kuasi eksperimen dalam konteks penulisan bagi subjek Bahasa Inggeris (Fatma Sari et al., 2023; Mohd Arifin Ghazali et al., 2024) mendapati murid menunjukkan peningkatan secara signifikan dalam kemahiran menulis dan motivasi. Walau bagaimanapun, dapatan daripada konteks mata pelajaran lain tidak dapat digeneralisasikan secara umum ke dalam penulisan Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana bahasa, latar sosiolinguistik, kurikulum dan bentuk pentaksiran murid adalah berbeza.

Dari sudut pedagogi, penguasaan penulisan boleh dibantu oleh pengajaran terbeza melalui beberapa mekanisme. Salah satu daripadanya ialah penyediaan dan penggunaan bahan mengikut tahap keupayaan murid dapat mengurangkan beban kognitif semasa menjana dan menyusun "idea (Tomlinson, 2001, 2021). Guru boleh mencerakinkan tugasan kepada beberapa peringkat seperti prapenulisan, menghasilkan kerangka, membina perenggan, menyemak dan menyunting semula. Di samping itu, wujudkan pengelompokan murid secara fleksibel

membolehkan murid memperoleh bimbingan mengikut keperluan tertentu (Smale-Jacobse et al., 2019).

Maklum balas menjadi lebih terarah melalui pengajaran terbeza. Hal ini demikian kerana murid yang lemah mungkin memerlukan maklum balas yang berbeza daripada murid yang lebih mahir. Justeru, maklum balas yang lebih khusus adalah lebih mudah digunakan oleh murid berbanding pembetulan secara umum. Melalui bimbingan tersebut, murid dapat mengenal pasti kelemahan dalam penulisan di samping memahami strategi penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh murid (Hattie & Timperley, 2007).

Walau bagaimanapun, keupayaan guru untuk mengenal pasti tahap kesediaan, minat dan gaya pembelajaran murid boleh mempengaruhi keberkesanan pengajaran terbeza. Komponen penting dalam pengajaran terbeza adalah proses pentaksiran formatif yang berterusan kerana maklumat yang diperoleh membolehkan guru membuat pengubahsuaian kandungan, proses dan produk (Smale-Jacobse et al., 2019). Oleh itu, pengajaran terbeza berisiko dilaksanakan secara umum sekiranya dilaksanakan tanpa maklumat yang tepat mengenai keperluan murid.

Kelemahan lazim murid dalam penulisan karangan seperti kesukaran menjana idea, menyusun isi secara logik, menghasilkan ayat gramatis dan menggunakan kosa kata yang sesuai yang dikenal pasti oleh kajian lepas adalah berpotensi diatasi melalui pendekatan ini (Rohaida Mazlan et al., 2024). Walaupun demikian, majoriti kajian lebih lebih membincangkan keberkesanan kaedah pengajaran terbeza terhadap persepsi guru atau pencapaian akademik secara umum. Penelitian secara empirikal mengenai bagaimana elemen pengajaran terbeza seperti pengelompokan fleksibel, penyesuaian tugasan mengikut tahap, dan maklum balas secara khusus, mempengaruhi komponen penulisan karangan Bahasa Melayu adalah masih terhad. Justeru, bukti empirikal yang kukuh mengenai hubungan antara pelaksanaan pengajaran terbeza dengan peningkatan kualiti penulisan karangan adalah masih diperlukan.

CABARAN KAEDAH PENGAJARAN TERBEZA

Dalam konteks pembelajaran di Malaysia, majoriti kajian berkaitan pengajaran terbeza lebih berfokus pada tahap pengetahuan, persepsi, tahap amalan dan pelaksanaan serta kesediaan guru. Misalnya, (Danial Arif dan Abdul Muttalip, 2020) mendapati tahap penerimaan guru Bahasa Melayu di sekolah pedalaman adalah tinggi. Namun, tahap pengetahuan mereka adalah masih rendah. Justeru, sekiranya guru kurang memahami prinsip, strategi dan bentuk pentaksirannya, sikap positif tidak wajar ditafsirkan sebagai petunjuk pelaksanaan berkesan akibat sikap positif dalam kalangan guru.

Pengetahuan, amalan dan cabaran dalam pendidikan Bahasa Melayu merupakan aspek yang kerap menjadi tumpuan dalam kajian-kajian lepas berdasarkan semakan literatur sistematik (Nurul Azira Sapian & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2022). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat ketidakseimbangan dari segi jenis sekolah, populasi dan lokasi. Selain itu, skop kajian lepas banyak meneliti pengajaran bahasa secara umum dan kemahiran menulis berbanding cabaran domain yang dihadapi oleh guru. Antaranya ialah kefahaman, kemahiran dan kesediaan pelaksanaan guru.


Cabaran ini menjadi lebih kompleks dalam pengajaran penulisan karangan kerana guru perlu menyediakan bahan, tugasan dan bentuk pentaksiran yang pelbagai di samping mengendalikan murid pada pelbagai tahap penguasaan bahasa yang berbeza. Antara faktor utama yang menghalang pelaksanaan pengajaran terbeza ialah kekangan masa (Yusmim Omar & Khairul Azhar Jamaludin, 2024). Hal ini demikian kerana guru perlu membuat pelbagai persediaan seperti bahan pengajaran, merancang aktiviti berdasarkan tahap keupayaan murid dan melaksanakan pentaksiran yang berbeza dalam tempoh pengajaran yang sama.

Situasi ini secara tidak langsung meningkatkan beban guru dan menyebabkan pelaksanaan pengajaran terbeza berlaku secara minimum dan tidak konsisten. Selain itu, faktor sistem pendidikan seperti saiz kelas, waktu pengajaran yang diperuntukkan, kekurangan latihan profesional dan beban pentadbiran turut menyumbang kepada cabaran yang dihadapi oleh guru (Erra Farina Adnan et al., 2024). Justeru, adalah tidak wajar mengaitkan kegagalan melaksanakan pengajaran terbeza secara optimum dengan kelemahan guru, sebaliknya konteks ekosistem pendidikan perlu dinilai dengan lebih luas.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik untuk mengenal pasti kesan kaedah pengajaran terbeza dalam mempengaruhi minat, keterlibatan dan pencapaian murid dalam pembelajaran penulisan karangan terbuka. Beberapa kriteria ditetapkan dalam proses pemilihan artikel. Artikel yang dipilih adalah boleh diakses, diterbitkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam tempoh 6 tahun dari tahun 2019 – 2026. Kandungan artikel yang dipilih perlu merangkumi aspek kaedah pengajaran terbeza, pembelajaran penulisan karangan, minat, keterlibatan dan pencapaian murid. Tujuan penetapan kriteria ini adalah memastikan tinjauan literatur memenuhi objektif dan menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan.

Pencarian artikel dilakukan melalui tiga pangkalan data utama, iaitu SCOPUS, ERIC dan Google Scholar



RAJAH 1. Carta alir pelaksanaan kajian literatur sistematik.

menggunakan beberapa terma yang relevan. Antara terma yang digunakan ketika proses mencari artikel "keberkesanan kaedah pengajaran terbeza", "minat, keterlibatan dan pencapaian murid" dan "pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu" bagi carian artikel terbitan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris terhadap tajuk, abstrak dan kandungan artikel.

PEMILIHAN TAJUK


Merujuk kepada objektif kajian, penyelidik memilih tajuk-tajuk artikel yang berfokus pada keberkesanan kaedah pengajaran terbeza dalam pembelajaran penulisan karangan dan melakukan penyingkiran bagi artikel yang tiada kaitan dengan penggunaannya dalam pembelajaran penulisan karangan. Penyelidik juga menggunakan carta alir berdasarkan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) sebagai garis panduan untuk melaporkan dapatan kajian tinjauan literatur sistematik ini.

PENCARIAN ARTIKEL

Penyelidik melakukan carian artikel dengan menggunakan tiga pangkalan data utama, iaitu SCOPUS, ERIC dan Google Scholar. Carian dilakukan dengan menggunakan beberapa terma yang berkait rapat dengan tajuk kajian seperti "keberkesanan kaedah pengajaran terbeza", "minat, keterlibatan dan pencapaian murid" dan "pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu" bagi carian terbitan dalam Bahasa Melayu dan *"effectiveness of differentiated instruction", "interest, engagement and students performance"*, "Bahasa Melayu *essay writing learning*" bagi carian terbitan dalam Bahasa Inggeris.

PEMILIHAN ARTIKEL

Bagi memastikan artikel yang diperoleh adalah selari dengan tajuk kajian, penyelidik membuat pemilihan artikel berdasarkan bacaan terhadap tajuk dan abstrak artikel yang ditemui. Dalam bahagian ini, penyelidik bermula dengan proses pemilihan dan penyingkiran agar artikel yang dipilih dapat memenuhi piawaian dan kriteria bagi pemilihan tajuk yang lebih spesifik dan artikel dipilih mengikut tajuk dan objektif kajian. Jumlah keseluruhan artikel yang diperoleh ialah 20 daripada ketiga-tiga pangkalan data tersebut. Lima daripada 20 artikel telah disingkirkan kerana tajuk tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. 17 artikel diterima dan ditapis dengan lebih mendalam. Penapisan dilakukan lebih mendalam melalui bacaan abstrak dan mendapati sebanyak sembilan artikel berjaya dipilih.



RAJAH 2. Pemilihan artikel melalui garis panduan PRISMA

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sembilan artikel yang dipilih dijadikan data pengekstrakan untuk mendapatkan input yang terperinci dan berjadual. Jadual 1 menunjukkan pengumpulan maklumat tentang artikel yang dipilih, bahasa penerbitan, tahun penerbitan, kata kunci dan bentuk kajian.

JADUAL 1. Senarai artikel 2019 – 2026

Penulis	Bahasa penerbitan	Tahun	Kata kunci	Bentuk kajian
Jessica Micheal & Zamri Mahamod	Bahasa Melayu	2023	Pendekatan pengajaran terbeza, Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza, guru Bahasa Melayu Tahap 1, pendekatan pengajaran, sekolah rendah kebangsaan	Kualitatif - temu bual separa berstruktur
Mior Muhammad Saiful Nizan, Mohd Saali, Mohd Hasrul Kamarulzaman, Mohd Fadzil Kamarudin, Mohd Saifun Aznin Mohd Sharif & Muhammad Zaim Esrati	Bahasa Inggeris	2017	Attitude, readiness, gifted students, differentiated instruction, teaching, learning, Malay language	Kuantitatif – soal selidik
Maryam Norazan	Bahasa Melayu	2023	Efikasi kendiri guru, guru sekolah rendah, pendekatan terbeza, Bahasa Melayu	Kuantitatif – soal selidik
Norhidayah Azni Mohd Zohomi & Zamri Mahamod	Bahasa Melayu	2023	Pengajaran terbeza, amalan pelaksanaan, guru Bahasa Melayu, sekolah menengah harian	Kuantitatif – soal selidik dan tinjauan
Masitah Saadon	Bahasa Melayu	2023	Pendekatan terbeza, sekolah swasta, minat, sikap, motivasi, subjek Bahasa Melayu	Kuantitatif – tinjauan
Elmustian, Zamri Mahamod, Edmund Austrus & Norhidayah Azni Mohd Zohomi	Bahasa Inggeris	2026	Differentiated instruction, instruction practices, language education, Malay language teacher, secondary school	Kuantitatif – soal selidik
Marcela Pozas & Verena Letzel-Alt	Bahasa Inggeris	2020	Differentiated instruction, emotional well-being, inclusive education, self-concept, social inclusion	Kuantitatif – soal selidik
Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad	Bahasa Melayu	2023	Amalan, motivasi, pengajaran terbeza, kemahiran menulis	Kualitatif – temu bual
Thian Khian Niam, Narahan Raduan, Zaimuariffudin Shukri Nordin	Bahasa Melayu	2022	Pedagogi terbeza, kemahiran berbahasa	Kuantitatif – soal selidik

JUMLAH ARTIKEL BERDASARKAN BAHASA PENERBITAN

Bahasa penerbitan bagi kajian yang dipilih ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Berdasarkan Jadual 1, terdapat enam artikel diterbitkan dalam Bahasa Melayu (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023; Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023; Maryam Norazan, 2023; Masitah, 2023; Norhidayah Azni Mohd Zohomi & Zamri Mahamod, 2023; Thian et al., 2022) dan tiga diterbitkan dalam Bahasa Inggeris (Elmustian et al., 2026; Mior Muhammad et al., 2017; Pozas et al., 2020).

JUMLAH ARTIKEL BERDASARKAN TAHUN PENERBITAN

Pemilihan artikel adalah berdasarkan tahun penerbitan antara 2019 – 2026. Berdasarkan Jadual 1, 1 artikel yang diterbitkan pada tahun 2026 (Elmustian et al., 2026), satu artikel diterbitkan tahun 2020 (Pozas et al., 2020), empat artikel diterbitkan pada tahun 2023 (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023; Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023; Maryam Norazan, 2023; Norhidayah Azni Mohd Zohomi & Zamri Mahamod, 2023), dua artikel diterbitkan pada tahun 2022 (Masitah, 2023; Thian et al., 2022) dan satu artikel diterbitkan pada tahun 2017 (Mior Muhammad et al., 2017).

JUMLAH ARTIKEL BERDASARKAN BENTUK KAJIAN

Terdapat beberapa bentuk kajian yang digunakan dalam artikel yang telah dipilih. Berdasarkan Jadual 1, dua artikel telah menggunakan bentuk kualitatif iaitu (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023; Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023) dan tujuh artikel menggunakan bentuk kuantitatif iaitu (Elmustian et al., 2026; Maryam Norazan, 2023; Masitah, 2023; Mior Muhammad et al., 2017; Norhidayah Azni & Zamri Mahamod, 2023; Pozas et al., 2020; Thian et al., 2022)

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Analisis data kajian telah dijalankan ke atas sembilan artikel terpilih. Berdasarkan analisis tersebut, penyelidik menyimpulkan kandungan dapatan daripada sembilan artikel terpilih kepada tiga tema utama, iaitu pengajaran terbeza: tahap amalan guru, kesan kaedah pengajaran terbeza terhadap minat, keterlibatan dan pencapaian murid, serta pengaruh cabaran amalan pengajaran terbeza.



RAJAH 3. Tema utama dapatan kajian.

PERSOALAN KAJIAN 1: KAEDAH PENGAJARAN TERBEZA: TAHAP AMALAN GURU

Berdasarkan analisis dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa tujuh daripada sebelas artikel berfokus pada tahap amalan pengajaran terbeza dalam kalangan guru (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023; Elmustian et al., 2026; Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023; Maryam Norazan, 2023; Norhidayah Azni Mohd Zohomi & Zamri Mahamod, 2023; Pozas et al., 2020; Thian et al., 2022). Tujuh artikel ini berfokus kepada tahap pelaksanaan pengajaran terbeza oleh guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Menurut enam artikel tersebut (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023; Elmustian et al., 2026; Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023; Maryam Norazan, 2023; Norhidayah Azni Mohd Zohomi & Zamri Mahamod, 2023; Thian et al., 2022), tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu adalah tinggi manakala satu artikel (Pozas et al., 2020) mendapati guru kurang kerap menggunakannya.

Menurut Elmustian et al. (2026), meskipun tahap amalan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu didapati tinggi, namun tahap perancangan RPH yang melibatkan aspek pendekatan pembezaan sebagai persediaan mengajar adalah masih berada pada tahap yang rendah. Sehubungan itu, walaupun guru dapat menyesuaikan diri dengan pendekatan tersebut secara spontan, namun pelaksanaannya secara sistematik dan berstruktur masih menjadi cabaran dalam kalangan guru.

Menurut Jessica Micheal dan Zambia Mahamod (2023), guru Bahasa Melayu menggunakan kaedah pengajaran terbeza dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu dengan kekerapan dua hingga tiga kali seminggu. Antara aspek pembezaan yang kerap dilaksanakan oleh guru ialah pembezaan proses dan kandungan Ansi Konyuo dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2023). Merujuk Pozas et al. (2020), guru cenderung untuk membezakan pengajaran menggunakan pemberian tugasan berperingkat berbanding pembezaan melalui pembelajaran berasaskan projek. Sehubungan itu, setiap aktiviti pembelajaran dibezakan mengikut kumpulan keupayaan yang telah dikenal pasti oleh guru melalui tiga cara.

Tiga cara guru mengenal pasti tahap keupayaan dan keperluan murid ialah melalui aktiviti pembelajaran, respons murid semasa PdP dan hasil kerja murid (Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023). Melalui penilaian guru, keperluan dan kecenderungan murid secara spesifik dapat dipenuhi dan tahap penguasaan murid dapat ditingkatkan. Hal ini demikian kerana Thian et al. (2022) menyatakan bahawa perkembangan penguasaan kemahiran berbahasa murid dipengaruhi oleh amalan pengajaran terbeza. Kekerapan pelaksanaan pengajaran terbeza lebih memberi impak positif kepada murid untuk menguasai suatu kemahiran dalam kandungan pembelajaran.

Walau bagaimanapun, kekerapan tersebut dipengaruhi oleh faktor jantina. Menurut Maryam Norazan (2023), guru perempuan lebih kerap mengaplikasikan pendekatan tersebut berbanding dengan guru lelaki. Namun, dapatan ini bercanggah dengan kajian (Thian et al., 2022) bahawa guru lelaki lebih kerap mengaplikasikannya berbanding dengan guru perempuan. Dalam perkara ini, guru disarankan untuk membiasakan diri dengan pelbagai pendekatan yang boleh membantu meningkatkan pencapaian murid melalui pelaksanaan pedagogi yang sesuai (Thian et al., 2022).

PERSOALAN KAJIAN 2: KESAN KAEDAH PENGAJARAN TERBEZA TERHADAP MINAT, KETERLIBATAN DAN PENCAPAIAN MURID

Tema seterusnya berfokus pada pengaruh daripada penggunaan kaedah pengajaran terbeza terhadap aspek

murid iaitu minat, keterlibatan dan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa. Berdasarkan sebelas buah artikel yang dipilih, empat daripadanya membincangkan tema ini (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzana Wan Mohammad, 2023; Masitah, 2023; Mior Muhammad et al., 2017; Thian et al., 2022). Dapatan empat artikel yang dianalisis secara konsisten menunjukkan impak kaedah pengajaran terbeza adalah positif dari segi minat, keterlibatan dan pencapaian pembelajaran murid. Sehubungan itu, Thin et al. (2022) menyatakan bahawa terdapat hubungan positif antara amalan pengajaran terbeza dengan penguasaan kemahiran berbahasa murid.

Sehubungan itu, sikap murid terhadap pendekatan pengajaran yang digunakan boleh mempengaruhi minat, keterlibatan dan pencapaian murid. Menurut (Mior Muhammad et al., 2017), tahap sikap murid setelah kaedah pengajaran terbeza digunakan di dalam kelas adalah tinggi. Hal ini demikian kerana hanya sebahagian murid sekolah swasta sahaja yang menunjukkan sikap positif. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kurangnya pendedahan murid sekolah swasta kepada penggunaan kaedah pengajaran terbeza (Masitah, 2023). Walau bagaimanapun, pengaruh kaedah pengajaran terbeza terhadap minat murid masih positif secara keseluruhannya.

Dalam konsep amalan pengajaran terbeza, pelaksanaan pembezaan tiga aspek iaitu kandungan, proses dan produk perlu mengambil kira kesediaan, minat dan pencapaian murid. Sehubungan itu, perancangan yang mengambil kira perkara tersebut dapat mewujudkan peluang dan rasa seronok dalam kalangan murid. Menurut (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023; Masitah, 2023), majoriti murid didapati berasa seronok apabila kaedah pengajaran terbeza dilaksanakan di dalam kelas. Menurut (Masitah, 2023; Mior Muhammad Saiful Nizan et al., 2017), perasaan seronok tersebut telah meningkatkan rasa minat murid untuk memberi tumpuan dalam aktiviti pembelajaran.

Tambahan pula, murid lebih berminat untuk belajar Bahasa Melayu berbanding sebelum kaedah pengajaran terbeza digunakan di dalam kelas. Penggunaan kaedah pengajaran terbeza mampu mengubah pandangan murid ke arah yang lebih positif terhadap pembelajaran (Masitah, 2023). Murid diberi peluang untuk belajar dalam kumpulan mengikut kelompok keupayaan dan bahan yang disediakan adalah sesuai dengan tahap keupayaan mereka (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023). Justeru, murid tidak berasa terpinggir walaupun aras aktiviti pembelajaran adalah berbeza. Secara tidak langsung, murid melibatkan diri secara aktif dengan menyiapkan tugasan yang diberikan oleh guru.

Justeru, Erra Farina Adnan et al. (2024) menyarankan agar guru menyediakan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan memberangsangkan melalui penggunaan pelbagai taktik pengajaran. Menurut (Pasira, 2022), penggunaan kumpulan fleksibel adalah sesuai dengan murid yang sedang bergelut dalam pembelajaran untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang baik.

Tugasan yang diberikan mempengaruhi penglibatan murid di dalam kelas. Hal ini demikian kerana tugasan yang terdiri daripada tahap yang sama rata bagi semua pelajar menjadikan penglibatan murid sekadar memenuhi syarat pembelajaran. Justeru, murid yang menggunakan tugasan berperingkat didapati lebih berminat dan termotivasi berbanding dengan murid yang tidak terlibat. Selain itu, tugasan secara berkumpulan dapat membantu meningkatkan pemahaman murid lemah dan sederhana dalam Bahasa Melayu (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023).

Kaedah pengajaran yang dapat memenuhi keperluan murid adalah untuk meningkatkan kemungkinan setiap murid memahami bahan yang disampaikan. Oleh itu, penggunaan kaedah pengajaran terbeza meningkatkan keyakinan dan persaingan dalam pembelajaran pembelajaran (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023). Selain itu, Mior Muhammad et al. (2017) menyatakan bahawa murid lebih memahami kandungan pembelajaran Bahasa Melayu dan mengaplikasikannya ke dalam subjek lain.

Walau bagaimanapun, majoriti kajian lepas lebih berfokus pada peningkatan kefahaman, motivasi dan penglibatan murid secara am. Hal ini demikian kerana bukti empirikal yang membuktikan keberkesanan kaedah pengajaran terbeza terhadap penguasaan kemahiran mengarang adalah masih terhad. Selain itu, penelitian lanjut terhadap kesan kaedah pengajaran terbeza untuk membangunkan kemahiran mengarang secara sistematik adalah terhad. Tambahan pula, tidak semua murid menunjukkan perubahan yang positif meskipun kaedah pengajaran terbeza dilaksanakan di dalam kelas.

Menurut (Ansi Konyuo & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023), terdapat sebilangan murid tidak menyiapkan tugasan atas faktor hilang fokus atau terlalu bermain ketika aktiviti pembelajaran. Selain itu, murid aras tinggi merasakan tidak adil kerana diberikan tugasan yang lebih sukar berbanding dengan murid aras lain.

PERSOALAN KAJIAN 3: CABARAN AMALAN PENGAJARAN TERBEZA DAN JURANG PENYELIDIKAN

Sebanyak dua daripada sebelas artikel menghuraikan tema ini (Elmustian et al., 2026; Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023). Saranan amalan pengajaran terbeza menuntut usaha lebih daripada pihak guru untuk memahami dan menguasai kemahiran aspek pembezaan mengikut keperluan murid. Hal ini dikaitkan dengan

impak positif terhadap perkembangan dan prestasi murid dari aspek motivasi, penglibatan dan pencapaian. Namun, Jessica Michael dan Zamri Mahamod, (2023) menyatakan bahawa guru berhadapan dengan beberapa cabaran untuk menjayakannya di dalam kelas. Menurut Jessica Michael dan Zamri Mahamod, (2023), guru berhadapan dengan cabaran pada tiga peringkat pelaksanaan, iaitu sebelum, semasa dan selepas.

Sebelum pelaksanaan pengajaran terbeza, guru berhadapan dengan masalah penyediaan bahan iaitu mengambil masa yang lama untuk menyediakan dan mereka bahan PdP bagi ketiga-tiga kumpulan keupayaan (Erra Farina Adnan et al., 2024; Jessica Michael & Zamri Mahamod, 2023). Amalan ini menjadi semakin sukar untuk dilaksanakan secara konsisten kerana tuntutan masa dan beban tugas guru. Sehubungan itu, guru perlu memahami strategi pengajaran, kaedah pentaksiran yang sesuai dan keupayaan mengubah suai pendekatan pengajaran bagi melaksanakan pengajaran terbeza. Hal ini demikian kerana guru kekurangan latihan dan peluang perkembangan profesionalisme.

Meskipun latihan diberikan dan disampaikan kepada guru, namun kajian lepas kurang menekankan solusi kepada cabaran dan masalah yang dihadapi oleh guru ketika melaksanakannya di dalam kelas. Malah, latihan dan kursus lebih berfokus pada pengenalan dan tatacara pelaksanaan kaedah pengajaran terbeza sahaja. Sehubungan itu, Jessica Michael dan Zamri Mahamod, (2023) menyarankan agar penambahbaikan terhadap PdP menggunakan kaedah pengajaran terbeza perlu dilaksanakan melalui penyediaan akses kepada sumber bahan pengajaran seperti teks berperingkat, manipulatif, alat teknologi dan sumber tambahan. Walau bagaimanapun, pembangunan bahan pengajaran perlu diteliti dan disesuaikan dengan kepelbagaian latar belakang murid di suatu kawasan.

Di samping itu, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pengajaran terbeza berpotensi meningkatkan motivasi, penglibatan dan pencapaian murid, namun pelaksanaannya masih belum dapat dijalankan secara konsisten di bilik darjah. Jurang utama yang dikenal pasti ialah kekurangan kajian yang meneliti secara mendalam bagaimana guru dapat melaksanakan pengajaran terbeza secara praktikal dalam konteks sebenar, khususnya dari aspek penyediaan bahan, pengurusan masa, pentaksiran dan penyesuaian strategi mengikut tahap keupayaan murid.

Selain itu, kajian terdahulu lebih banyak membincangkan manfaat pengajaran terbeza, tetapi masih kurang memberi tumpuan kepada pembangunan bahan PdP yang tersusun, mudah digunakan dan sesuai untuk kumpulan murid berbeza keupayaan. Terdapat juga keperluan untuk kajian lanjut berkaitan latihan, bimbingan profesional dan sokongan sumber bagi membantu guru mengatasi cabaran pelaksanaan sebelum, semasa dan selepas pengajaran. Oleh itu, jurang penyelidikan ini menunjukkan perlunya kajian yang membangunkan atau menilai bahan pengajaran terbeza yang lebih sistematik, praktikal dan responsif terhadap keperluan sebenar guru serta murid di bilik darjah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tinjauan literatur sistematik ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan kaedah pengajaran terbeza terhadap pembelajaran murid. Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan, kajian berfokus pada kesan kaedah pengajaran terbeza terhadap minat, keterlibatan dan pencapaian pembelajaran penulisan karangan terbuka Bahasa Melayu murid. Daripada sebelas artikel tersebut, tujuh kajian berfokus pada amalan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu, tiga kajian berfokus kepada pengaruh cabaran pelaksanaan kaedah pengajaran terbeza dan enam kajian berfokus pada hubungan kaedah pengajaran terbeza dengan minat, keterlibatan dan pencapaian murid.

Tema ini merupakan tema yang terkenal dalam kalangan penyelidik kerana selaras dengan perubahan dalam pendidikan yang disarankan dan dilaksanakan oleh kerajaan dengan tujuan meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Selain itu, tujuan lain adalah untuk mempelbagaikan kaedah dan pendekatan pembelajaran baharu yang berfokus pada pendekatan pembelajaran abad ke-21 yang memerlukan penguasaan KBAT murid. Malahan, ia adalah selari dengan tuntutan pemansuhan sistem pengasingan murid mengikut keupayaan. Berdasarkan sebelas artikel yang dipilih dalam kajian tinjauan literatur sistematik ini, penyelidik dapat menjawab tiga persoalan kajian yang telah dihasilkan. "Diharapkan melalui tinjauan ini, para penyelidik dapat melakukan kajian tinjauan tentang penyediaan bahan atau modul sedia ada kaedah pengajaran terbeza berdasarkan sukatan pembelajaran bagi mengatasi cabaran pelaksanaannya di dalam PdP.

RUJUKAN

Adila, A. A. H., Mohd, E., Siti, N. A. I., Morazirah, M., & Engku, M. S. A. E. I. (2024). Professional judgment of teachers in Malaysia based on score modelling diagnostic. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences, 14*(3), 524–533. https://doi.org/10.6007/IJARAFMS/v14-i3/22751

Ain Nur Atika Agus. (2022). Masalah dihadapi oleh guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di

rumah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *12*(1), 50–62.

Aman Shah, S. A., Zamri, M., & Mohammed, A. M. (2021). Masalah murid etnik Bajau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Borneo International Journal*, *4*(3).

Amirah Fadhilah Amir, & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2025). Isu dan cabaran pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu. *International Journal of Education, Psychology Dan Counselling (IJEPC)*, *10*(58), 1256–1266. https://doi.org/10.35631/IJEPC.1058081

Ansi Konyuo, & Wan Muna Ruzana Wan Mohammad. (2023). Pelaksanaan amalan pengajaran terbeza bagi meningkatkan penguasaan dan motivasi murid Tahun 1 dalam kemahiran menulis ayat. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *5*(1), 169–180. https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.14

Bakhrudin, A. H., Zahra, R. L., Nasywa, S. S., Dinda, Y. N., & Ivan, A. (2023). Konsep motivasi dan perannya dalam pembelajaran. *TSAQOFAH*, *4*(1), 529–544. https://doi.org/10.58578/TSAQOFAH.V4I1.2290

Cortez, R. A., & Derequito, C. (2025). *Composition and template-based approach for persuasive writing in Grade 10 article in*. https://doi.org/10.18535/ijsshi/v12i07.04

Danial Arif, & Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ*, *10*(2), 29–42.

Elmustian, Mahamod, Z., Austrus, E., & Mohamed Zohomi, N. A. (2026). Examining differentiated instruction practices among secondary school Malay language teachers in Malaysia. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, *15*(1), 227–237. https://doi.org/10.11591/ijere.v15i1.35198

Erra Farina Adnan, Nazurah Mohd Darus, Siti Nur Farahin Faizal, Maslawati Mohamad, & Rafidah Kamarudin. (2024). Benefits and challenges of differentiated learning in Malaysian classrooms: Literature review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *14*(8). https://doi.org/10.6007/IJARBSS/V14-I8/22428

Faezah Saliman, & Zamri Mahamod. (2023). Amalan guru Bahasa Melayu di Sekolah Kurang Murid dalam melaksanakan dan melaporkan Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *13*(2), 119–129.

Faizah Idrus, Nur Afini Zainal Asri, & Nurin Najihah Baharom. (2021). Has differentiated instruction gone 'awry' in online teaching and learning? *Journal of Language Teaching and Research*, *12*(3), 501–510. https://doi.org/10.17507/jltr.1203.21

Fatma Sari, Kartin Lihawa, & Usman Pakaya. (2023). Implementing Differentiated Instruction in Writing Procedure Text for Grade X Students (Phase E) at SMA N 1 Wonosari, Indonesia. *International Journal of Research and Review (Ijrrjournal. Com)*, *10*(7). https://doi.org/10.52403/ijrr.20230725

Hasnah Hassan, Nurul Haniza Samsudin, & Simah Mamat. (2024). Analisis kesilapan bahasa dalam penulisan karangan pelajar-pelajar BMPK dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kalu Ke-9*, 1016–1034.

Hassan Nurmasitah, M. (2016). *Kohesi dalam penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar di sebuah universiti awam*.

Hattie, J., & Timperley, H. (2007). The power of feedback. *Review of Educational Research*, *77*(1), 81–112. https://doi.org/10.3102/003465430298487/ASSET/AA36F61A-6156-443C-A6D0-B97CC031F90D/ASSETS/IMAGES/LARGE/10.3102_00346543077001081-FIG1.JPG

Inas, A. A., & Susan, H. (2023). Using traditional and modern teaching method on the teaching process from teachers' own perspective. *Educational & Social Science Journal*, *10*(2), 65–92.

Ismail Sharmeen. (2019). Impact of Differentiated Instruction on the Writing Process of ESL Learners. *ELF Annual Research Annual Journal 21*, 130–153. https://www.researchgate.net/publication/341358142_Impact_of_Differentiated_Instruction_on_the_Writing_Process_of_ESL_Learners

Jaafar Rozana, & Mahamod Zamri. (2020). Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Pelajar Cemerlang Di Sekolah Menengah. *International Research Journal of Education and Sciences*, *4*(1).

Jessica Michael, & Zamri Mahamod. (2023). Amalan dan masalah pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *5*(1), 1–13. https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.1

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga lepas menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia. www.moe.gov.my

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. In *Kementerian Pendidikan Malaysia*.

Koon, L. W., Noor Azean Atan, Jamalludin Harun, & Mohd Fadzil Abdul Hanid. (2024). Improving critical Malay essay writing competency through authentic e-Learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, *13*(1). https://doi.org/10.6007/IJARPED/V13-I1/19394

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2022). *Kupasan Mutu elementary classroom: Practice and reflection of.*

https://lp.moe.gov.my/files/spm/2023/KMJ%202023/BAHASA%20MELAYU%20KERTAS%201%201103-1.PDF

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2023). *Kupasan Mutu Jawapan 103/1 BAHASA MELAYU 1*.

López-García, A. (2023). Effectiveness of a teaching methodology based on the theory of historical thinking through active methods and digital resources in Spanish adolescents. *Frontiers in Education*, *8*, 1–12. https://doi.org/10.3389/FEDUC.2023.1175123/FULL

Luoto, J., Klette, K., & Marte Blikstad-Balas, ·. (2022). Possible biases in observation systems when applied across contexts: conceptualizing, operationalizing, and sequencing instructional quality. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, 105–128. https://doi.org/10.1007/s11092-022-09394-y

Maryam Norazan. (2023). Perbezaan faktor jantina, umur dan pengalaman mengajar dengan tahap efikasi kendiri dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *13*(1), 38–49.

Masitah, S. (2023). Minat, sikap dan motivasi murid sekolah swasta terhadap pembelajaran terbeza subjek Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *12*(1), 64–72.

Mirsabitovna, S. N. (2025). Differentiated instruction for mixed-ability classes. *Journal of Multidisciplinary Sciences and Innovations*, *1*(3), 58–61. https://inlibrary.uz/index.php/jmsi/article/view/101428

Mohd Arifin Ghazali, Abu Bakar Yusuf, Syaza Hazwani Zaini, Mahizer Hamzah, & Noor Insyiraah Abu Bakar. (2024). THE EFFECT OF DIFFERENTIATED INSTRUCTION APPROACH ON WRITING SKILLS AND MOTIVATION. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, *9*(56), 299–308. https://doi.org/10.35631/ijepc.956019

Mohd Hasrul Kamarulzaman, Mariadass Mariann Edwina, & Mohd Fadzil Kamarudin. (2024). Differentiated Instruction for the teaching of STEM among the mixed ability students. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, *VIII*(IIIS), 645–661. https://doi.org/10.47772/IJRISS.2024.803044S

Muh. Asriadi AM, Samsul Hadi, Edi Istiyono, & Heri Retnawati. (2023). Does differentiated instruction affect learning outcome? Systematic review and meta-analysis. *Journal of Pedagogical Research*, *7*(5), 18–33. https://pdfs.semanticscholar.org/d337/b53a2e8346ce5beb973b3e4a8d1f7609ff38.pdf

Muhammad Firdaus, Mohd Sedek, Zamri Mahamod, Mohamad Farid, & Md Daris. (2025). The Implementation of Higher-Order Thinking Skills in Malay Language Teaching and Learning for the Holistics Development of Level 2 Primary School Students: A Systematic Literature Review. *International Journal of Arts and Social Science*, *8*(8), 28–50. www.ijassjournal.com

Mior Muhammad, N. S. M. S., Mohd Hasrul Kamarulzaman, Mohd Fadzil Kamarudin, Mohd Saifun Aznin Mohd Sharif, & Muhammad Zaim Esrati. (2017). Attitude and Readiness of Gifted and Talented Students on Differentiated Instruction in Malay Language Teaching and Learning. *The 3rd International Conference On Education in Muslim Society (ICEMS)*, 1–6.

Norfazirah, Z., Abd Rauf, H., Nik Farhan, M., & Mohd Sukki, O. (2019). Penguasaan penulisan karangan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu melalui penggunaan imitasi. *Jurnal Linguistik*, *23*(2), 13. www.plm.org.my

Norhidayah Azni, M. Z., & Zamri Mahamod. (2023). Amalan guru Bahasa Melayu sekolah menengah dalam melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza Differentiated Teaching Approaches). *Jurnal Dunia Pendidikan*, *5*(1), 14–24. https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.2

Nur Atikah Mohd Noor, Zamri, M., & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2025). Isu dan cabaran pelaksanaan pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *13*(1), 15–23. https://doi.org/10.17576/jatma-2025-1301-02

Nur Hanisah Radi, & Muhammad Syawal Amran. (2023). Strategi dan cabaran pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza dalam kalangan guru di sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *8*(5), e002336. https://doi.org/10.47405/MJSSH.V8I5.2336

Nurul Azira Sapian, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam kalangan Guru Bahasa Melayu: Kajian literatur sistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *7*(8), e001684. https://doi.org/10.47405/MJSSH.V7I8.1684

Nurul Qistina Baharuddin, & Harwati Hashim. (2020). Using digital reading in ESL Malaysian primary classrooms: the strengths and the shortcomings from the learners' perspectives. *Journal of Educational and Learning Studies*, *3*(1), 7–13. https://doi.org/10.32698/0832

Pasira, I. (2022). Assessing the Effectiveness of Differentiated Instruction Strategies in Diverse Classrooms. *Journal of Education Review Provision*, *2*(1), 28–31. https://doi.org/10.55885/jerp.v2i1.151

Phin, B. N., Zuraini Seruji, & Roslan Haji Ali. (2025). Penerapan KBAT dalam proses PDPC penulisan karangan Bahasa Melayu SPM. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, *13*(2), 25–40. https://ir.unimas.my/id/eprint/48639/1/Bong%20et%20al.%20%282025%29.pdf?utm_source=chatgpt.com

Ping, L. (2021). Applying differentiated instruction in elementary calssroom: Practice and reflection of

student teachers. *Journal of Education and Practice*, *12*(27), 1–11. https://doi.org/10.7176/JEP/12-27-01

Pozas, M., Letzel, V., Lindner, K. T., & Schwab, S. (2021). DI (Differentiated Instruction) Does Matter! The Effects of DI on Secondary School Students' Well-Being, Social Inclusion and Academic Self-Concept. *Frontiers in Education*, *6*. https://doi.org/10.3389/FEDUC.2021.729027/FULL

Pozas, M., Letzel, V., & Schneider, C. (2020). Teachers and differentiated instruction: exploring differentiation practices to address student diversity. *Journal of Research in Special Educational Needs*, *20*(3), 217–230. https://doi.org/10.1111/1471-3802.12481

Rasulova, I. I. (2021). Traditional and modern foreign language teaching methods. *Scientific Progress*, *2*(1), 2021. https://cyberleninka.ru/article/n/traditional-and-modern-foreign-language-teaching-methods-1

Rodgers, W. J., Morris-Mathews, H., Romig, J. E., & Bettini, E. (2022). Observation studies in special education: A synthesis of validity evidence for observation systems. *Review of Educational Research*, *92*(1), 3–45. https://doi.org/10.3102/00346543211042419

Rohaida Mazlan, Zamri Mahamod, & Khairul Azhar Jamaludin. (2024). Isu serta cadangan penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu sekolah menengah. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, *21*(4), 153. https://doi.org/10.17576/EBANGI.2024.2104.13

Röhl, S., Bijlsma, H., & Schwichow, M. (2025). Can feedback from students to teachers improve different dimensions of teaching quality in primary and secondary education? A hierarchical meta-analysis. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, *37*(1), 35–71. https://doi.org/10.1007/S11092-024-09450-9/FIGURES/5

Rone, N. A., Guao, N. A. A., Jr, M. S. J., Acedillo, N. B., Balinton, K. R., & Francisco, J. O. (2023). Students' Lack of Interest, Motivation in Learning, and Classroom Participation: How to Motivate Them? Students' lack of interest, motivation in learning and classroom participation: How long to motivate them? *Psych Educ*, *7*, 585. https://doi.org/10.5281/zenodo.7749977

Rozita Mohamad Yuneh, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2022). Kesan pengajaran sarana kohesi dalam meningkatkan keupayaan menulis berdasarkan jantina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *12*(1), 1–8.

Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah: Satu tinjauan awal. *Borneo International Journal EISSN*, *4*(3), 9–18. www.majmuah.com

Scott, K., & Rohde, L. (2024). Deconstructing teacher engagement techniques for pre-service teachers through explicitly teaching and applying "noticing" in video observations. *Open Education Studies*, *6*(1), 1–12. https://doi.org/10.1515/EDU-2022-0224/MACHINEREADABLECITATION/RIS

Semo Serroukh, & Ibrahim Serroukh. (2022). *Traditional teaching method Vs Modern teaching method The traditional way of teaching and learning*. 1–8. https://www.researchgate.net/publication/362162911_Traditional_teaching_method_Vs_Modern_teaching_method_Traditional_teaching_method_Vs_Modern_teaching_method_The_traditional_way_of_teaching_and_learning

Shareefa Mariyam. (2021). Using differentiated instruction in multigrade classes: a case of a small school. *Asia Pacific Journal of Education*, *41*(1), 167–181. https://doi.org/10.1080/02188791.2020.1749559

Simah Mamat, Azni Kamaruddin Yati, Siti Nur Khairunisa, M. A.-F., & Casrin Frizzlin Manggang. (2021). Permasalahan, Cabaran dan Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Penulisan Karangan Pelajar Sekolah Menengah. *International Journal of Education and Training (InjET)*, *7*, 1–10. http://www.injet.upm.edu.my

Smale-Jacobse, A. E., Meijer, A., Helms-Lorenz, M., & Maulana, R. (2019). Differentiated Instruction in Secondary Education: A Systematic Review of Research Evidence. *Frontiers in Psychology*, *10*, 1–23. https://doi.org/10.3389/FPSYG.2019.02366/FULL

Subuh Anggoro, Azmi Fitriati, Theo Ng Khar, Corrienna Abdul Talib, & Liatheo Mareza. (2024). Differentiated instruction based on multiple intelligences as promising joyful and meaningful learning. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, *13*(2), 1194–1204. https://doi.org/10.11591/ijere.v13i2.24791

Tengku Zainuriani Tengku Puteh. (2021). *Modul LldTs meningkatkan kemahiran menulis karangan (KBBR) Bahasa Melayu*. https://anyflip.com/bfayv/dbjj

Thian, K. N., Narahan, R., & Zaimuariffudin, S. N. (2022). Amalan pendekatan pedagogi terbeza dengan penguasaan kemahiran berbahasa dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah menengah di Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *4*(2), 128–141. https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.2.12

Tomlinson, C. A. (2001). *Differentiate Instruction In Mixed-Ability Classrooms* (2nd ed.). Association for Supervision and Curriculum Development. http://www.ascd.org

Tomlinson, C. A. (2021). *How to differentiate instruction in mixed-ability classroom 3rd Ed.* . Association for Supervision and Curriculum Development. https://rutamaestra.santillana.com.co/wp-content/uploads/2020/01/Classrooms-2nd-Edition-By-Carol-Ann-Tomlinson.pdf

Vipul, B., Zhang, S., Tan, Y. Q., & Pandey, V. (2025). Redefining learning: student-centered strategies for academic and personal growth. *Frontiers in*

Education, *10*, 1518602. https://doi.org/10.3389/FEDUC.2025.1518602/BIBTEX

White, M., & Klette, K. (2024). Signal, error, or bias? exploring the uses of scores from observation systems. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, *36*(4), 505–528. https://doi.org/10.1007/S11092-024-09427-8/FIGURES/2

Wisniewski, B., Röhl, S., & Fauth, B. (2022). The perception problem: a comparison of teachers' self-perceptions and students' perceptions of instructional quality. *Learning Environments Research*, *25*(3), 775–802. https://doi.org/10.1007/S10984-021-09397-4/TABLES/9

Yusmim Omar, & Khairul Azhar Jamaludin. (2024). Use of differentiated pedagogical approaches by Malay Language teachers: Issues and challenges. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, *13*(3). https://doi.org/10.6007/IJARPED/V13-I3/21979

Zamli, T., Shahlan, S., Muhammad, S. A., & Shalinawati, R. (2020). Self-identity and academic achievement among Secondary School students in Malaysia. *Creative Education*, *11*(10), 1906–1921. https://doi.org/10.4236/CE.2020.1110139

Zhao, S., Liu, W., Zuo, Y., Qi, G. Y., & Hu, W. (2026). Differentiated instruction in primary after-school science programs: A quasi-experimental study. *Journal of Educational Research*, 1–13. https://doi.org/10.1080/00220671.2026.2634836/ASSET/28C64B72-F80C-4D7A-A154-EA48E11F6BD3/ASSETS/GRAPHIC/VJER_A_2634836_F0001_B.JPG

Surina Sura Anak Rumping
Faculty of Education,
Open University Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia
surinasura@oum.edu.my

Tang Howe Eng*
Faculty of Computer and Mathematical Sciences,
Universiti Teknologi MARA Sarawak Branch, Sarawak, Malaysia
lily@uitm.edu.my

Ezzah Afifah Nasrudin
Faculty of Education,
Open University Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia
ezzah@oum.edu.my

*Corresponding Author: Tang Howe Eng

Dihantar: 05 Mei 2026
Dinilai: 23 Julai 2026
Diterima: 31 Julai 2026
Diterbitkan: 1 November 2026